

Gegar U pilih bapa tunggal besarkan 6 anak

MARAN 8 Julai - Cabaran menjadi bapa tunggal untuk membesarkan anak-anak merupakan tanggungjawab yang cukup perit, tambahan pula dibebani dengan masalah kewangan kerana hidup dalam kemiskinan.

Namun, bagi Mohd. Jamil Ibrahim, 52, hidup mesti diteruskan terutamanya untuk memastikan kesemua anaknya seramai enam orang mendapat pendidikan sempurna agar mereka tidak lagi mewarisi kemiskinan hidup yang dilaluinya sekarang ini.

Memikirkan masa depan anak-anaknya itu, beliau yang tinggal di Kampung Baru Kuala Sentul, Maran, mengambil keputusan tidak mahu mencari pengganti isterinya, Siti Rohaya Ismail yang meninggal dunia 12 tahun lalu.

Katanya, isterinya meninggal dunia ketika berusia 29 tahun dan beliau hanya akan memikirkan soal mendirikan rumah tangga selepas anak-anak-

nya mampu hidup berdikari.

"Isteri saya meninggal dunia kerana sakit selepas melahirkan anak saya yang bongsu di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan," katanya.

Dengan hanya berpendapatan RM700 sebulan sebagai tukang rumah, beliau membesarkan empat lagi anaknya iaitu anak ketiga Jamilah, 19, yang kini belajar di kolej dan Saddam Hussein, 15, kini telah berhenti sekolah kerana ingin memberi peluang dua adik dan kakaknya bersekolah.

Anak kelimanya, Iskandar Zulkarnain, 14, di tingkatan dua dan anak bongsunya, Siti Zulaika, 11, kini tinggal bersama emak saudaranya, manakala anak sulung, Julaina, 23, dan anak kedua, Nurjaslina, 22, telah mendirikan rumah tangga dan tinggal di Kuala Lumpur.

Bagi mencari nafkah, Mohd. Jamil menggunakan pengalamannya sebagai buruh binaan semasa bekerja di

Singapura sekitar tahun 70-an, tetapi kerana tidak mempunyai peralatan pertukangan rumah yang mencukupi, membataskan usahanya untuk menambah rezeki.

Bagaimanapun, Mohd. Jamil kini boleh menarik nafas lega kerana nasibnya mungkin akan berubah apabila kesukaran hidupnya mendapat perhatian stesen Astro.

Pihak pengurusan televisyen berbayar itu dengan kerjasama Yayasan Budi Penyayang (Penyayang), Kum-pulan Utusan, The Star dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyumbangkan bantuan peralatan asas membina rumah, mesin bancuh simen, gerudi dan lain-lain yang bernilai RM7,000.

Penerbit Jabatan Perkhidmatan Kreatif Astro, Saiful Shahiran Saiful Azmi berkata, liku-liku hidup Mohd. Jamil telah dirakamkan untuk siaran rancangan Program *Gegar U* Astro.



MOHD. Jamil (dua dari kiri) menerangkan fungsi mesin pembancuh simen kepada empat siswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang menyertai Program *Gegar U* terbitan Astro, di Maran baru-baru ini.